


## PENGENALAN

Terapi Carakerja merupakan bidang kesihatan yang menitikberatkan pemulihan individu yang mengalami masalah dari segi fizikal dan/atau mental, ketidakupayaan dan/atau kecatatan, samada bersifat sementara atau kekal.

Ahli Terapi Carakerja yang terlatih melibatkan individu dalam aktiviti yang dirancang bagi mencapai tahap pemulihan dan kefungsi maksima dengan matlamat untuk membolehkan individu mencapai kefungsi di dalam pekerjaan, sosial, peribadi dan persekitaran domestik, serta menjalani kehidupan secara bermakna sepenuhnya.

(Diterjemah dari *World Federation of Occupational Therapy, 2002-2003*).

Program Terapi Carakerja, Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi, Fakulti Sains Kesihatan, UKM merupakan Pertama di Malaysia yang menawarkan pengajian Terapi Carakerja di peringkat sarjana muda.



## OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Mendidik siswazah yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan dalam bidang Terapi Carakerja yang beracuan budaya kebangsaa

Menyediakan asas akademik kepada Membangunkan prasarana tempatan bagi latihan dan penyelidikan bidang Terapi Carakerja

Membentuk ahli Terapi Carakerja yang berkelakuan professional, dinamik, berintegriti dan berhemah tinggi supaya dapat menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dalam semua urusan berkaitan pengurusan pesakit

Memartabatkan profesyen Terapi Carakerja supaya sejajar dengan profesyen kesihatan dan perubatan yang lain di peringkat nasional dan peringkat antarabangsa

Mendukung hasrat kerajaan untuk memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

## SYARAT KEMASUKAN

Memenuhi syarat am universiti dan syarat khas program.

Syarat khas program:  
Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM/Matrikulasi/Asasi dalam mata pelajaran berikut:

- Biology
- Physics
- Mathematics/Mathematics T/
- Further Mathematics

Atau

- Biology
- Chemistry
- Mathematics/Mathematics T/
- Further Mathematics;

Dan

Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B/Gred 4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:

- Physic

dan

Lulus temu duga yang ditetapkan.

## PENGIJAZAHAN

Sarjanamuda Terapi Carakerja Dengan  
Keputusan

## JANGKAMASA PENGAJIAN

Empat tahun (8 semester)

## KAEDAH PEMBELAJARAN

Kursus yang ditawarkan kepada pelajar didedahkan melalui kuliah, tutoran, latihan amali, lawatan akademik, penempatan klinikal, latihan industri, seminar, khidmat masyarakat, dan penyelidikan.

## PENDEKATAN TERAPI CARAKERJA

Pendekatan rawatan/intervensi Terapi Carakerja adalah berpusatkan pelanggan (client-centred) menggunakan rangka rujukan diantaranya:

- *Biomedical*
- *Neurodevelopmental*
- *Behavioural*
- *Rehabilitative*
- *Cognitive-perceptual*



## PROSPEK KERJAYA

Graduan – graduan Program Terapi Carakerja mempunyai peluang – peluang bekerja dalam pelbagai bidang kerjaya seperti:

- Hospital – hospital kerajaan dan swasta
- Sekolah pendidikan khas
- Pusat pemulihan dalam komuniti
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Pusat rehabilitasi badan bukan kerajaan
- Perkeso
- Pusat-pusat pemulihan persendirian (Private Centre)
- Pensyarah di IPTA dan IPTS
- Amalan persendirian

## UNIT PENGIJAZAHAN

150 unit perkuliahan

8 semester



## TERAPI CARAKERJA

PUSAT PENGAJIAN SAINS REHABILITASI  
FAKULTI SAINS KESIHATAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



## OCCUPATIONAL THERAPY

Program Terapi Carakerja  
Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi  
Fakulti Sains Kesihatan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Jalan Raja Muda Abd Aziz  
50300 Kuala Lumpur

Tel : +603- 2687 8003